



19 APR, 2024

## Tingkat amalan rendah karbon



Wilayahku, Malaysia

Page 1 of 2



PENGGUNAAN bas Nadiputra dan kenderaan elektrik merupakan salah satu inisiatif IKH 2024.

# Tingkat amalan rendah karbon

**PIHAK** Perbadanan Putrajaya (PPj) akan membuka permohonan Insentif Kediaman Hijau Putrajaya 2024 (IKH Putrajaya 2024) bermula 5 April hingga 5 Mei 2024.

Menurut PPj, IKH Putrajaya 2024 dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan lagi amalan rendah karbon dalam kalangan penduduk Putrajaya khususnya penjimatatan tenaga elektrik dan air, pengurangan sisa pepejal, penggunaan bas Nadiputra dan

kenderaan elektrik atau hibrid.

Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada pemilik rumah persendirian di Putrajaya sahaja.

Dalam masa sama, pemohon mestilah tiada tunggakan cukai taksiran serta mempunyai akaun Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Air Selangor sekurang-kurangnya dua tahun (24 bulan) serta akaun e-bil TNB dan Air Selangor.

Sehubungan itu, orang ramai dijemput untuk memohon insentif

ini sekiranya memenuhi kelayakan seperti yang dinyatakan.

Borang permohonan dan kriteria penilaian boleh dimuat turun di laman sesawang [https://ppj.my/\\_IKH2024](https://ppj.my/_IKH2024).

Untuk maklumat lanjut, anda boleh hubungi di talian **03-8887 7004 / 019-250 7425** atau e-mel di [ahmad.helmi@ppj.gov.my](mailto:ahmad.helmi@ppj.gov.my) / [muhammad.fahri@ppj.gov.my](mailto:muhammad.fahri@ppj.gov.my) atau layari laman Facebook Bandar Hijau Putrajaya.